**LAMPIRAN H**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**JURUUKUR BANGUNAN**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **2 JANUARI 2011** |

| Gred | | Jadual Gaji Matriks | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Gred J41 | : | P1T1 | RM2088.25 | - | P1T23 | RM4721.03 |
| | | P2T1 | RM2184.26 | - | P2T23 | RM5015.88 |
| | | P3T1 | RM2284.45 | - | P3T23 | RM5306.79 |
| Gred J44 | : | P1T1 | RM3026.12 | - | P1T14 | RM5016.03 |
| | | P2T1 | RM3355.90 | - | P2T14 | RM5544.71 |
| Gred J48 | : | P1T1 | RM4428.75 | - | P1T8 | RM5880.06 |
| | | P2T1 | RM4868.46 | - | P2T8 | RM6436.67 |
| Gred J52 | : | P1T1 | RM4989.53 | - | P1T8 | RM6440.84 |
| | | P2T1 | RM5462.64 | - | P2T8 | RM7030.85 |
| Gred J54 | : | P1T1 | RM5255.30 | - | P1T8 | RM6840.23 |
| | | P2T1 | RM5720.06 | - | P2T8 | RM7463.62 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

    (a) warganegara Malaysia;

    (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

    (c) ijazah sarjana muda dalam bidang ukur bangunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

    dan

    (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruukur Bangunan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruukur Bangunan Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(ii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Juruukur Bangunan Gred J41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Juruukur Bangunan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

6. Juruukur Bangunan Gred J41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Juruukur Bangunan Gred J41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

9. Juruukur Bangunan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J44**

10. Juruukur Bangunan Gred J41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruukur Bangunan Gred J44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT**

11. Juruukur Bangunan Gred J44 adalah layak dipertimbang bagi

**KE GRED J48**

kenaikan pangkat ke jawatan Juruukur Bangunan Gred J48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J52**

12. Juruukur Bangunan Gred J48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruukur Bangunan Gred J52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED J54**

13. Juruukur Bangunan Gred J52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruukur Bangunan Gred J54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI**

14. Juruukur Bangunan Gred J54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota**: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt 2(3)].